BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 11/03/29 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 19 November 2003

Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar Oktober 2003

Penunjuk monetari dan kewangan mencerminkan pengukuhan berterusan aktiviti ekonomi dalam negeri

Penunjuk monetari dan kewangan bagi bulan Oktober terus menyokong pengukuhan aktiviti ekonomi dalam negeri. Kesemua agregat monetari mengembang pada kadar yang lebih tinggi. M1, M2 dan M3 meningkat pada kadar tahunan 13.7%, 10.8% and 9.9% pada akhir bulan Oktober (11.9%, 10.3% and 9.2% pada akhir bulan September).

Kesemua penunjuk pinjaman (permohonan, kelulusan dan keluaran pinjaman) adalah lebih tinggi pada bulan Oktober, masing-masing sebanyak RM19.5 bilion, RM13.4 bilion and RM41.7 bilion (RM18.6 bilion, RM13.1 bilion and RM37.9 bilion pada bulan September). Yang pentingnya, pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu sebanyak 19.7% (13.5% pada bulan September). Pertumbuhan dalam pinjaman tertangguh kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal kukuh, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7% pada akhir bulan Oktober. Untuk sepuluh bulan yang pertama tahun 2003, pinjaman berjumlah RM21.3 bilion telah diluluskan kepada 57,883 PKS, sementara RM70.5 bilion telah dikeluarkan.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen: 11/03/29 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 19 November 2003

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
OKTOBER 2003

Penunjuk monetari dan kewangan mencerminkan pengukuhan berterusan aktiviti ekonomi dalam negeri

Penunjuk monetari dan kewangan bagi bulan Oktober terus menyokong pengukuhan aktiviti ekonomi dalam negeri. Kesemua agregat monetari mengembang pada kadar yang lebih tinggi. M1, M2 dan M3 meningkat pada kadar tahunan 13.7%, 10.8% and 9.9% pada akhir bulan Oktober (11.9%, 10.3% and 9.2% pada akhir bulan September).

Kesemua penunjuk pinjaman (permohonan, kelulusan dan keluaran pinjaman) adalah lebih tinggi pada bulan Oktober, masing-masing sebanyak RM19.5 bilion, RM13.4 bilion and RM41.7 bilion (RM18.6 bilion, RM13.1 bilion and RM37.9 bilion pada bulan September). Yang pentingnya, pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu sebanyak 19.7% (13.5% pada bulan September). Pertumbuhan dalam pinjaman tertangguh kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kekal kukuh, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 7% pada akhir bulan Oktober. Untuk sepuluh bulan

yang pertama tahun 2003, pinjaman berjumlah RM21.3 bilion telah diluluskan kepada 57,883 PKS, sementara RM70.5 bilion telah dikeluarkan.

Kadar faedah kekal rendah dan stabil

Kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil pada bulan ini. Operasi pasaran wang BNM telah membantu untuk menstabilkan kesan daripada sektor luar negara yang mengembang ke atas lebihan mudah tunai di sistem perbankan.



Kadar pasaran wang antara bank kekal rendah dan stabil



BNM menyerap lebihan mudah tunai daripada sistem perbankan bagi mengekalkan kadar faedah di tahap semasa



Keadaan mudah tunai sistem perbankan yang lega terus menyokong aktiviti pembiayaan. Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh sistem perbankan, kekal tinggi pada 93.1%

Kadar purata pinjaman (ALR) dan **kadar purata berian pinjaman asas (BLR)** kekal tidak berubah pada bulan ini. ALR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing kekal pada paras 6.17% dan 9.16% (akhir-September: masing masing pada 6.17% dan 9.16%).



ALR dan BLR bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah

Pada 31 Oktober, kadar deposit tetap bagi tempoh matang 1-12 bulan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal stabil, masing-masing pada 3 - 3.70% dan 3 - 3.68%.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Sep 03	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70
Okt 03	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70
31 Okt 03	3.00	3.00	3.01	3.04	3.70

Kadar deposit tetap bagi bank perdagangan kekal stabil

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Sep 03	3.00	3.00	3.02	3.07	3.68
Okt 03	3.00	3.00	3.02	3.07	3.68
31 Okt 03	3.00	3.00	3.02	3.07	3.68

...begitu juga dengan syarikat kewangan



Kadar faedah benar bagi deposit tetap 3-bulan seacara relatifnya kekal stabil.

Prestasi ringgit

Pada bulan Oktober, ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama. Selaras dengan pergerakan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa, nilai ringgit menyusut berbanding paun sterling sebanyak 1.6% dan berbanding yen Jepun sebanyak 1.9%, sementara secara relatifnya tidak berubah berbanding euro. Pada bulan Oktober, dolar AS dipengaruhi kebimbangan pasaran mengenai defisit akaun semasa dan fiskal yang besar. Yen Jepun menjadi semakin kukuh ekoran prospek pertumbuhan yang semakin cerah.



Prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama pada bulan Oktober

Ringgit turut meningkat nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 0.5% – 2.8%. Baht Thai merupakan pengecualian. Berbanding ringgit, ia menyusut nilai sebanyak 0.2%. Mata wang serantau secara amnya mendapat manfaat daripada yen Jepun yang lebih kukuh. Peso Filipina menyusut nilai disebabkan kebimbangan pasaran terhadap defisit belanjawan kerajaan, data ekonomi yang lemah, ketidaktentuan politik dan isu-isu domestik yang lain. Rupiah Indonesia juga menyusut nilai apabila sentimen pasaran dipengaruhi oleh siasatan terhadap sebuah bank milik kerajaan dan penangguhan penjualan pegangan saham yang besar dalam sebuah bank tempatan oleh Badan Penyehatan Perbankan Nasional (IBRA). Sebaliknya, baht Thai mengukuh nilai berikutan kepercayaan pasaran yang meningkat berhubung prospek pertumbuhan ekonomi dan pandangan pasaran bahawa pihak berkuasa tidak akan menghalang mata wang baht daripada menjadi lebih kukuh.



Ringgit meningkat nilai berbanding kebanyakan mata wang serantau pada bulan Oktober

Sepanjang tempoh **1 – 12 November 2003**, ringgit terus mencatat prestasi yang bercampur-campur berbanding mata wang utama. Nilai ringgit meningkat berbanding euro sebanyak 0.5% dan berbanding paun sterling sebanyak 1.6%, sementara menyusut nilai berbanding yen Jepun sebanyak 0.2%. Dolar AS disokong oleh penerbitan data ekonomi bagi sektor pembuatan, pembinaan dan pekerjaan yang melebihi jangkaan. Yen Jepun menjadi kukuh berikutan penghantaran pulang dana yang ketara oleh pengeksport dan reaksi positif pasaran terhadap pemilihan semula kerajaan yang sedia ada dalam pilihanraya. Nilai ringgit menyusut berbanding sebilangan mata wang serantau dalam lingkungan 0.1% - 0.7%, sementara secara relatifnya kekal tidak berubah berbanding baht Thai dan peso Filipina.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Okt. 2003	12 November 2003	% Perubahan			
				Oktober 2003	Akhir Okt. - 12 Nov. 2003	Akhir-2002 - 12 Nov. 2003	2 Sep. 1998 - 12 Nov. 2003
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.4169	4.3941	0.0	0.5	-9.4	-
Paun sterling	6.3708	6.4461	6.3458	-1.6	1.6	-4.0	0.4
100 yen Jepun	2.7742	3.4878	3.4944	-1.9	-0.2	-8.4	-20.6
Dolar Singapura	2.1998	2.1883	2.1906	0.5	-0.1	-0.1	0.4
100 baht Thai	9.3713	9.5202	9.5155	-0.2	0.0	-7.4	-1.5
100 peso Filipina	8.8302	6.8682	6.8691	0.7	0.0	4.0	28.5
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0447	0.0448	1.1	-0.2	-5.1	-21.0
100 won Korea	0.2827	0.3213	0.3237	2.8	-0.7	-1.2	-12.7

Inflasi kekal rendah pada bulan Oktober

Kadar **inflasi** tahunan, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100), **meningkat sedikit kepada 1.3%** pada bulan Oktober (September: 1.1%). Harga makanan adalah lebih tinggi sempena bulan perayaan, manakala harga barangan lain secara keseluruhannya kekal stabil.

Indeks Harga Pengguna



Inflasi meningkat kepada 1.3% pada bulan Oktober

Harga pengeluar menyederhana pada bulan September

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.4% pada bulan September (Ogos: 1.9%). Peningkatan harga pengeluar yang lebih perlahan ini mencerminkan penyederhanaan dalam peningkatan harga minyak sawit mentah dan petroleum mentah, yang lebih daripada mengimbangi peningkatan harga getah yang lebih tinggi. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras meningkat sebanyak 0.9%.

Indeks Harga Pengeluar



Harga pengeluar, tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, meningkat sebanyak 0.9%

Pertumbuhan pesat dalam bekalan wang

Ketiga-tiga agregat monetari (M1, M2 dan M3) masing-masing mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 13.7%, 10.8% dan 9.9% pada akhir bulan Oktober (11.9%, 10.3% dan 9.2% pada akhir bulan September). Pertumbuhan M1 yang lebih tinggi mencerminkan kenaikan permintaan untuk baki urus niaga dan peningkatan urus niaga dalam pasaran ekuiti. Aliran masuk dana yang besar berikutan pemulangan perolehan eksport dan aliran masuk pelaburan telah menyumbang kepada kenaikan dalam bekalan wang secara meluas, M3, yang meningkat sebanyak RM5.3 bilion atau 1% pada bulan Oktober.

Agregat monetari



Ketiga-tiga agregat monetari mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi...

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2003			
	Ogos	Sep	Okt	Jan - Oct
M3	3.1	5.6	5.3	39.5
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-1.9	-2.2	1.2	5.6
Tuntutan ke atas sektor swasta	3.0	4.5	1.0	29.9
Operasi luar bersih [1]	1.4	5.3	10.8	19.5
Pengaruh lain	0.6	-2.0	-7.7	-15.5

1/ sebelum penilaian semula

...terutamanya disebabkan oleh aliran masuk dana yang lebih besar

Deposit sistem perbankan meningkat dengan ketara pada bulan Oktober

Jumlah **deposit** yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat dengan ketara sebanyak RM6.9 bilion atau 1.3% pada bulan Oktober. Peningkatan ini mencerminkan deposit yang lebih tinggi oleh perusahaan perniagaan dan individu, terutamanya dalam deposit permintaan. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 10% pada akhir Oktober (9.3% pada akhir September).

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Ogos	**Sept.**	**Oct.**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	-833	-171	103
Kerajaan Negeri	295	-349	-137
Badan Berkanun[1/]	484	-531	674
Institusi Kewangan	1,815	1,615	108
Perusahaan Perniagaan	-757	3,125	3,699
Individu	2,107	1,652	2,098
Lain-lain[2/]	649	-525	376
Jumlah	**3,760**	**4,817**	**6,920**

[1/] Termasuk Kerajaan tempatan.

[2/] Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing.

Deposit yang lebih tinggi disimpan oleh perusahaan perniagaan dan individu...

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2003		
	Ogos	**Sept.**	**Oct.**
Jenis			
Deposit tetap	390	1,973	1,305
NID	542	153	968
Deposit permintaan	1,957	44	2,293
Deposit tabungan	395	326	404
Perjanjian beli balik *(Repo)*	912	1,464	1,614
Deposit mata wang asing	269	847	-461
Deposit SPI	-936	-80	702
Lain-lain	231	90	96
Jumlah	**3,760**	**4,817**	**6,920**

...terutamanya dalam deposit permintaan

Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat kukuh pada bulan Oktober

Jumlah pembiayaan kasar sektor swasta oleh sistem perbankan dan dana yang diperoleh daripada pasaran modal meningkat dengan ketara pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 15% kepada RM45.6 bilion pada bulan Oktober. Pada asas bersih, pembiayaan yang diberikan oleh sistem perbankan melalui berian pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat pada kadar tahunan sebanyak 6% pada akhir bulan Oktober (5.7% pada akhir bulan September). Nisbah pinjaman-deposit, termasuk sekuriti hutang swasta yang dipegang oleh sistem perbankan berada pada 93.1% pada akhir bulan Oktober (93.5% pada akhir bulan September).



Pembiayaan kasar sektor swasta meningkat dengan kukuh dengan pinjaman yang dikeluarkan dan terbitan PDS kasar yang lebih tinggi

Berian pinjaman oleh sistem perbankan adalah lebih tinggi, dengan pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam pengeluaran pinjaman sebanyak 15.3% pada bulan Oktober kepada RM41.7 bilion (RM37.9 bilion pada bulan September). Pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor perniagaan meningkat pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 19.7%, dengan bahagian yang ketara disalurkan kepada sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan, perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel serta perkilangan. Sektor isi rumah menerima sejumlah RM10.7 bilion daripada pinjaman yang dikeluarkan pada bulan Oktober (RM9.8 bilion pada bulan September).

Permintaan untuk pembiayaan bank adalah lebih tinggi dengan permohonan pinjaman yang lebih banyak berjumlah RM19.5 bilion pada bulan Oktober (RM18.6 bilion pada bulan September). Pinjaman yang diluluskan juga meningkat, berjumlah RM13.4 bilion (RM13.1 bilion pada bulan September). Kelulusan yang diberikan kepada sektor isi rumah adalah lebih tinggi pada RM6.8 bilion (RM6.4 bilion pada

bulan September), sementara pinjaman yang diluluskan kepada sektor perniagaan kekal pada RM6.3 bilion (RM6.4 bilion pada bulan September).

Pinjaman yang terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 4.6% atau RM1.7 bilion pada bulan Oktober, mencerminkan terutamanya pinjaman terkumpul yang lebih tinggi kepada sektor isi rumah (+RM2.7 bilion pada bulan Oktober, +RM2.4 bilion pada bulan September). Walaupun pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan lebih tinggi, pinjaman terkumpul sektor perniagaan menurun sebanyak RM1.6 bilion disebabkan bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi terutamanya oleh perniagaan dalam sektor bekalan elektrik, gas dan air.

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Pinjaman yang dipohon, diluluskan dan dikeluarkan lebih tinggi

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman kekal meluas

Pinjaman terkumpul PKS terus meningkat pada kadar tahunan yang lebih kukuh sebanyak 7% berbanding pertumbuhan pinjaman keseluruhan sebanyak 4.6%. Pada asas bulanan, pinjaman terkumpul PKS meningkat sebanyak

RM563 juta pada bulan Oktober (RM518 juta pada bulan September), membawa kepada kenaikan terkumpul sebanyak RM5.4 bilion pada sepuluh bulan pertama. Pada tempoh yang sama, sejumlah RM21.3 bilion telah diluluskan kepada 57,883 PKS, sementara RM70.5 bilion telah dikeluarkan. Pinjaman PKS mencakup sebanyak 32% daripada pinjaman terkumpul sektor perniagaan dan 15.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir bulan Oktober.



Pinjaman PKS terus meningkat

Dana yang diperoleh daripada pasaran modal terus kekal tinggi

Dalam bulan Oktober, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal berjumlah RM4.1 bilion. Keseluruhan dana telah diperoleh oleh sektor swasta. Dana yang tinggi telah diperolehi daripada kedua-dua pasaran sekuriti hutang swasta dan pasaran ekuiti. Sepanjang bulan ini, terdapat enam penyenaraian baru di BSKL.



1/ Dana bersih yang diperoleh dari pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Dana bersih yang lebih tinggi diperoleh oleh sektor swasta pada bulan Oktober

Sentimen di **Bursa Saham Kuala Lumpur** (BSKL) terus kukuh pada bulan Oktober, mencerminkan prestasi yang lebih baik di pasaran global dengan meningkatnya jangkaan baik prospek ekonomi global, serantau dan domestik. Pada akhir bulan Oktober, IK BSKL ditutup di paras tertinggi tahun ini pada 817.1 mata (+11.4% sejak akhir bulan September) dengan modal pasaran yang lebih tinggi sebanyak RM572.3 bilion (+13.6% sejak akhir bulan September). Purata urus niaga harian juga lebih tinggi sebanyak 820.1 juta pada bulan ini (575.9 juta unit pada bulan September).



IK BSKL menurun pada awal bulan November

Aktiviti pengambilan untung menyebabkan penurunan pada dua minggu pertama bulan November ekoran perolehan yang memberangsangkan di pasaran. Pada 18 November, IK BSKL ditutup kepada 782.2 mata (-3.1% sejak akhir bulan Oktober) dengan modal pasaran agak rendah sebanyak RM627.9 bilion (-3.4% sejak akhir bulan Oktober). Purata urus niaga harian kekal tinggi pada tempoh tersebut sebanyak 728 juta unit.

Rizab antarabangsa meneruskan arah aliran yang meningkat

Pada bulan Oktober, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meneruskan arah aliran yang meningkat dengan pertambahan sebanyak RM11 bilion atau AS$2.9 bilion kepada RM165.8 bilion atau AS$43.6 bilion pada 31 Oktober 2003 (RM154.8 bilion atau AS$40.7 bilion pada 30 September 2003). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pembawaan pulang perolehan eksport yang berkekalan, aliran masuk pelaburan langsung asing dan aliran masuk pelaburan portfolio yang lebih besar. Aliran keluar mencerminkan pembayaran import barangan dan perkhidmatan, pembayaran balik hutang luar negara dan penghantaran pulang hasil keuntungan dan dividen. Paras rizab ini adalah cukup untuk membiayai 6.9 bulan import tertangguh dan adalah 4.7 kali hutang luar negara jangka pendek.



Kedudukan modal kekal kukuh

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) menurun sedikit ke tahap 13.3% pada akhir bulan Oktober 2003 disebabkan peningkatan aset yang lebih tinggi sebanyak RM3.5 bilion (atau +0.7%) berbanding dengan kenaikan sebanyak RM0.3 bilion (atau +0.4%) di dalam modal asas. Nisbah NPL bersih berdasarkan klasifikasi 6-bulan meningkat sedikit sebanyak 0.1 mata peratusan kepada 6.6% pada akhir bulan Oktober 2003 berikutan kenaikan sebanyak RM0.3 bilion (atau +1.2%) di dalam NPL bersih. Walau bagaimanapun, berdasarkan klasifikasi 3-bulan, nisbah NPL bersih terus menurun kepada 8.8% daripada 9.0% pada akhir bulan September 2003 disebabkan jumlah NPL bersih yang lebih rendah.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*								
	1998	1999	2000	2001	2002		2003	
	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Dis.	Ogos	Sep.	Okt.
Modal (%)								
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	11.1	11.1	11.0	10.9	10.7
RWCR	11.8	12.5	12.5	13.0	13.2	13.5	13.4	13.3
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.1	7.5	6.6	6.5	6.6
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,775	31,703	29,222	29,168	29,506
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2.0	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*



...RWCR kekal tinggi pada 13.3%



....Nisbah NPL bersih adalah stabil pada 6.6% berdasarkan klasifikasi 6-bulan

Bank Negara Malaysia
19 November 2003

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	September 2003		Oktober 2003	
	Baki (RM bilion)	Pertumbuhan tahunan (%)	Baki (RM bilion)	Pertumbuhan tahunan (%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	44.5	11.2	44.6	7.9
M1	93.5	11.9	96.3	13.7
M2	410.0	10.3	415.9	10.8
M3	535.4	9.2	540.6	9.9
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	537.4	9.3	544.3	10.0
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	510.5	4.7	512.2	4.6
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	447.2	5.1	450.5	5.4
Nisbah pinjaman-deposit (%)	83.2		82.8	
Nisbah pinjaman-deposit termasuk hutang sekuriti swasta (%)	93.5		93.1	
Pinjaman yang dipohon pada bulan berkenaan	18.6	-5.5	19.5	-2.5
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	13.1	-8.1	13.4	4.4
Pinjaman yang dikeluarkan pada bulan berkenaan	37.9	11.2	41.7	15.3
Pinjaman yang dibayar pada bulan berkenaan	37.0	14.2	41.5	15.7
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.4		13.3	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	6.5		6.6	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	154.8		165.8	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	40.7		43.6	
Bilangan bulan import tertangguh	6.6		6.9	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.99[2.99]		2.99[2.99]	
3-bulan	2.86[2.88]		2.88[2.87]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]	
3-bulan	3.00[3.00]		3.00[3.00]	
BLR bank perdagangan	6.00[6.00]		6.00[6.00]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	104.5	1.1	104.6	1.3
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	136.0	1.4		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)				
Euro	4.4160		4.4169	
Paun Sterling	6.3439		6.4461	
Dolar Singapura	2.1984		2.1883	
100 Yen Jepun	3.4205		3.4878	
100 Baht Thai	9.5048		9.5202	
100 Peso Filipina	6.9179		6.8682	
100 Rupiah Indonesia	0.0452		0.0447	
100 Won Korea	0.3304		0.3213	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	3.4		...	
sektor swasta (RM bilion)	3.7		4.1	
Indeks Komposit BSKL (akhir tempoh)	733.45		817.12	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	572.26		649.81	